

# Buletin



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

e-ISSN: 2600-8289

# ACIS

Syaaban 1445/ Februari 2024



## Terima Kasih Ustazah Norlela Kamaluddin

Isu Fitnah dan Khabar Angin di sebalik Peristiwa Perang Bani Al-Mustaliq

PUISI TRADISIONAL: Kelangsungan Keindahan Bahasa dan Adab Melayu

Ibadah dalam Masyarakat: Polemik yang tidak berkesudahan

PUISI: Persuratan Rentak Lisan

Pensyarah ACIS Berjaya Merangkul Naib Johan Dalam Musabaqah  
Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan 2024

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Kelangsungan Keindahan Bahasa dan Adab Melayu

Oleh:

**Shahril Anuar Abdul Ghalim**

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UITM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Puisi tradisional merupakan salah satu komunikasi lisan yang wujud sejak zaman berzaman. Ini merupakan salah satu bentuk komunikasi lisan yang banyak dipengaruhi perspektif budaya Melayu. Melalui puisi tradisional, kita dengan mudah dapat mengesan betapa mesej yang hendak disampaikan kepada khalayak mengandungi ciri budaya Melayu seperti keindahan pemilihan kata-kata, amalan budi pekerti, tradisi adat, alunan kiasan dan kesantunan pesanan yang wujud melalui deretan perkataan yang membentuk suatu konteks atau makna. Bahasa yang digunakan dalam puisi juga banyak mencerminkan aspek intonasi komunikasi yang bersifat sopan santun, budi bahasa, lemah lembut, beradab dan banyak lagi yang mampu dijemakan.

Puisi tradisional merupakan alat pengucapan atau komunikasi lisan yang menerapkan keindahan kata-kata dalam menyampaikan pesan ataupun nasihat mahupun maksud tertentu dengan berkesan. Penyusunan kata-kata harus disusun dengan disiplin yang tersendiri bagi menyesuaikan dengan alunan suara dalam penyampaian. Ini adalah asas utama dalam puisi iaitu punyai gaya intonasi penyampaian yang unik berbanding bentuk komunikasi lisan yang lain. Ianya bersandarkan beberapa bentuk puisi tradisional iaitu seperti pantun, gurindam, syair, seloka dan pelbagai lagi. Setiap satunya mempunyai tatacara penyampaian berdasarkan irama dan bunyi yang indah bersesuaian dengan kelembutan budaya Melayu.

Antara ciri yang menguatkan lagi keindahan puisi tradisional ialah berpandukan prinsip keberkesanan penyampaian mesej itu sendiri. Antara prinsip utama ialah penggunaan perkataan yang baik dan punyai nilai estetika secara lemah lembut. Dalam mencerminkan masyarakat berbudaya melalui puisi, ini adalah aspek penting dan dititikberatkan memandangkan puisi merupakan komunikasi lisan yang perlulah disampaikan dengan cara lemah lembut bersesuaian dengan bentuk puisi.

Selain itu, isi percakapan atau maksud yang ingin disampaikan berlandaskan kecerdasan akal dan sudut pandangan serta pemikiran yang merentas zaman. Maksudnya ialah kesesuaian frasa yang diungkapkan secara berulang-ulang tanpa terbatas dalam konteks peredaran zaman. Masyarakat akan mudah mesra dengan segala mesej yang disampaikan secara hikmah bersesuaian dengan budaya Melayu yang sarat dengan falsafah dan nilai-nilai kehidupan serta ilmu tauladan. Mesejnya tidak sukar diterjemahkan walaupun ianya diungkap dan diwarisi sejak zaman berzaman. Terdapat banyak perdebatan mengenai perkara ini yang rata-ratanya bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa puisi tradisional ini merupakan kayu ukur tentang pemikiran, kecerdikan dan kematangan ilmu yang ada pada masa dahulu.

Sudah tentu, puisi-puisi ini haruslah senantiasa dipelihara penggunaannya mengikut konteks yang pelbagai demi kelangsungan warisan bangsa. Ia merupakan salah satu warisan yang berpandukan hakikat bahawa puisi adalah medium yang terbaik untuk mewariskan naratif kehidupan seperti aspek sejarah, cerita tauladan, kata nasihat, keindahan bahasa, lenggok irama dan pelbagai lagi yang mendasari kewujudannya. Bukan sahaja dipelihara, malah sifat warisan itu juga adalah berkenaan perkembangan dari sudut kecintaan pada puisi tradisional yang dijemakan dan disuburkan kembali melalui penguasaan bakat pelapis muda yang mahir untuk mendeklamasikannya. Bukan suatu yang mudah kerana tanpa kesungguhan dan langkah yang terancang, memungkinkan puisi tradisional ini hanya kekal sebagai teks dan bukan sebagai komunikasi lisan seperti fungsi asalnya.